



**PETIKAN RASA**  
**ABDUL GHANI HAMID**  
Angkatan Sasterawan '50  
127 halaman  
S\$50.00

50 kuntum puisi (dan terjemahannya) serta koleksi lukisan yang terkumpul dalam antologi Petikan Rasa ini merupakan satu lagi catatan dan rakaman kehidupan Abdul Ghani Hamid.

Kumpulan pernyataan jiwa dan intelektual Abdul Ghani Hamid yang dicituskan dalam bentuk lukisan dan puisi ini memperlihatkan kemampuan beliau dalam kedua-dua bidang estetika ini. Beliau bukan sahaja menganyam kehidupan dalam bentuk pengucapan kata-kata tetapi mampu memberi makna kepada warna-warna alam yang dilukisnya. Kedua-duanya berbicara dan berkomunikasi dengan kita, mengajak kita merenungi alam yang penuh dengan persoalan, keajaiban dan teka-teki. Semuanya merangsang kita mencari jawapan dan diagnosisnya. Membaca dan menatap pembicaraan Abdul Ghani Hamid memperkaya kehalusan nurani kita, meningkatkan tanggapan tentang alam dan kehidupannya serta tunduk tafakur dengan kemahaperkasaan Allah mencipta alam dan isi-isinya.